


DATE: 26/10/2007

PM saksi 3 MoU pertanian

ECER manfaat peruntukan RM11.4b dalam RMK-9 di tiga negeri



KUALA LUMPUR: Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan menyaksikan pemeteraian tiga memorandum persefahaman (MoU) pada majlis pelancaran Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER).

MoU itu adalah bagi projek berkaitan sektor pertanian sejajar dengan inisiatif Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) yang mengenal pasti pertanian sebagai sektor untuk menjana kekayaan di kawasan luar bandar, kata perancang utama ECER, Petronas dalam kenyataannya di sini semalam.

Di bawah RMK-9, sektor pertanian digerakkan semula sebagai jentera

pertumbuhan ekonomi ketiga, dengan peruntukan berjumlah RM11.4 bilion.

Pada majlis pelancaran ECER di Kuala Terengganu, Isnin minggu depan, satu MoU bagi penubuhan sebuah pusat penyelidikan nukleus pembiakan kambing akan dimeterai antara Jabatan Perkhidmatan Haiwan, Marditech Corp Sdn Bhd dan Terengganu Agrotech Development Corp Sdn Bhd.

Pusat yang akan dibangunkan di kawasan seluas 900 hektar itu akan memberi tumpuan kepada penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalam pembiakan dan penternakan kambing, bertujuan meningkatkan pendapatan daripada kegiatan pembiakan kambing serta mengurangkan import daging kambing.

“Ladang juga akan bertindak sebagai pusat sumber dan menjadi ladang latihan secara amali bagi pengurus, ahli profesional dan penyelidik,” kata Petronas.

Pada hari yang sama, satu lagi MoU akan dimeterai di Kota Bharu antara Universiti Malaysia Kelantan dan Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (Kesedar) bagi satu pro-

jek agropolitan.

Inisiatif agropolitan ini adalah satu pendekatan menyeluruh kepada pertanian dari menyediakan benih bermutu hinggalah kepada amalan pertanian baik serta nasihat perniagaan, yang membabitkan penyertaan sektor awam dan swasta, universiti dan institusi sosial.

Di Pahang keesokan harinya, Abdullah akan menyaksikan majlis meterai MoU bagi penubuhan pusat penyelidikan nukleus pembiakan kerbau dan lembu antara Jabatan

FAKTA NOMBOR

ECER

900 hektar

Keluasan pusat penyelidikan nukleus pembiakan kambing

560,000

Peluang pekerjaan

Perkhidmatan Haiwan, Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (Felda) dan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (Mardi).

Pusat yang akan dibangunkan di kawasan seluas 200 hektar dan menempatkan 3,000 pembiak itu akan memberikan tumpuan kepada program dipercepatkan bagi meningkatkan kuantiti dan kualiti kerbau dan lembu di negara ini.

Inisiatif ECER adalah sejajar dengan hasrat yang dinyatakan Perdana Menteri iaitu untuk membasmi kemiskinan dan membangunkan modal insan, tegas Petronas.

Ia bertujuan menambah pendapatan hampir empat juta orang, yang mewakili 15 peratus daripada keseluruhan penduduk negara ini, bakal mewujudkan 560,000 pekerjaan baru dan menarik pelaburan berjumlah RM112 bilion dalam tempoh 12 tahun akan datang.

Pelan induk yang memberi tumpuan kepada rakyat dan dikendalikan Petronas itu membabitkan 227 projek dalam sektor pengangkutan, prasarana, pelancongan, pendidikan, pembuatan, minyak dan gas serta pertanian.